

27 AUG 1996

Mahathir-Umno

UNDUR JIKA LANGGAR PERATURAN PEMILIHAN UMNO, KATA PM

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata calon-calon untuk pemilihan Umno Oktober tidak kira untuk apa jawatan pun harus menarik diri daripada bertanding jika melanggar peraturan pemilihan.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata jika mereka ikhlas dan mengetahui mereka telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Umno, mereka harus berundur.

"Kalau sayang kepada Umno dan tidak mahu melihat Umno rosak kerana kurang moral dan etika yang begitu longgar, mereka patut tarik diri," katanya kepada pemberita sekembalinya dari China petang ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan pengerusi jawatankuasa pemilihan Umno Tan Sri Mustafa Jabar semalam bahawa mereka yang telah menerima surat tunjuk sebab dari ibu pejabat Umno harus mengundur daripada pemilihan parti itu.

Ketika ditanya haruskah calon-calon untuk jawatan naib presiden tarik diri jika mereka termasuk dalam senarai tujuh anggota parti yang telah menerima surat tunjuk sebab itu, Dr Mahathir menjawab: "Ya, dari pemimpin tertinggi hingga terendah."

"Kalau mereka menjadi calon naib presiden, mereka sepatutnya tarik diri kalau buat salah," kata Dr Mahathir.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Timbalan Presiden Umno sebelum itu berkata tidak ada calon Naib Presiden Umno yang diberikan surat tunjuk sebab berkaitan larangan kempen untuk pemilihan parti walaupun ada beberapa masalah dibangkitkan terhadap mereka.

Bagaimanapun, Anwar tidak menyatakan siapa mereka yang diberikan surat tunjuk sebab itu.

Ahad lepas, Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat dilaporkan berkata bahawa ibu pejabat Umno telah menghantar tujuh surat tunjuk sebab kepada calon dan anggota perwakilan ke Perhimpunan Agung parti Oktober ini.

Ketika ditanya mengenai laporan bahawa ada calon yang menggunakan yayasan, pertubuhan atau kumpulan pemikir sebagai platform berkempen, Dr Mahathir berkata Umno akan bertindak terhadap mereka.

"Kalau ada mereka berbuat demikian yang bertentangan dengan arahan, (mereka) akan dikenakan tindakan," kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau berkata Umno akan berhati-hati dalam mengambil tindakan terhadap calon-calon berkenaan.

"Umno tidak akan gopoh dalam mengambil tindakan sama ada ia melibatkan pemimpin tertinggi ataupun terendah," katanya. --BERNAMA

ES MAI